



RUMAH MINANGKABAU

Rumah Minangkabau mempunyai bumbung panjang dan reka bentuk atap bertingkat yang dialas daun rumbia

ia mempunyai serambi hadapan dan anjung yang meneduhkan tangga utama

Rumah dihiasi banyak ukiran kayu di sekeliling rumah terutama di serambi hadapan rumah.

RUMAH MELAYU SARAWAK

Keunikan rumah ini boleh dilihat pada ketinggian tiang yang beberapa meter dari tanah dan ruang loteng disambung daripada bilik untuk menyimpan barang

Struktur binaan rumah ini seperti tunjuk langit, atap berlian, kisi-kisi dan tangga

Kayu diukir kerawang terutama di bahagian atas tingkap, pagar tangga dan kekisi bagi menyerlahkan kesenian rumah tradisional

ISTANA KENANGAN

Juga dikenali sebagai Istana Lembah yang siap dibina pada 1931

Seni bina istana ini melambangkan seni bina Melayu tradisional. Ia berdingin kelarai dan berbumbung perabung pisang sesikat

Konsep binaan berdasarkan bentuk sebilah pedang. Ragam hias dan seni pertukangan memperlihatkan keindahan seni pertukangan Melayu Perak

Istana Kenangan ini dijadikan sebagai Muzium Diraja Perak

RUMAH
TRADISIONAL
MELAYU

RUMAH PANJANG DAYAK

Turut dikenali sebagai rumah betang

Ciri khusus rumah panjang ini berbentuk panggung

Ketinggian rumah antara tiga hingga lima meter daripada tanah

Kedudukan rumah yang tinggi berfungsi seperti melindungi diri daripada musuh, diganggu bintang buas dan mengelak ditenggelami banjir.

RUMAH AGAM PERANAKAN PULAU PINANG

Rumah dan pejabat milik bekas Kapitan Cina, Chung Keng Kwee.

Keng Kwee ialah pelombong bijih timah keturunan Hakka pada kurun ke-19

Kediaman ini unik dan mempunyai unsur seni bina China, lantai marmar Inggeris dan hasil seni besi Scotland

Turut diletak dalam rumah ini ialah lebih 1,000 koleksi barangan antik




RUMAH LIMAS

Banyak terdapat di Johor. Ia campuran warisan tradisi rumah masyarakat Jawa, Bugis, Banjar dan Palembang.

Ciri ketara rumah Limas pada bumbung berbentuk seperti piramid

Faktor mempengaruhi seni bina rumah limas ialah iklim, agama Islam, sosial dan alam sekitar



Rumah tradisional di Malaysia adalah khazanah warisan bangsa yang sangat berharga.

Kehalusan seni bina rumah ini menceritakan budaya, adat dan kepercayaan kaum di negara ini.

Selain itu, ia juga menggambarkan kebijaksanaan masyarakat dahulu yang mampu membina rumah meskipun tanpa bantuan teknologi. Bukan itu saja malah



WARTAWAN
 NOR 'ASYIKIN MAT HAYIN
 asyikin.mat@hmetro.com.my



metro ALHAB (31/10/2020) M15 24 & 25

ISTANA SERI MENANTI

Dibina pada 1902 menggunakan kayu
 tanpa paku besi

Ia sebaliknya menggunakan paku yang
 dibuat daripada kayu dikenali sebagai
 pasak

Istana empat tingkat ini mempunyai 99
 tiang termasuk empat tiang seri yang
 panjangnya 20 meter

Bangunan dibina mengikut
 seni bina Minangkabau.



RUMAH TRADISIONAL MELANAU

Ia rumah panjang yang dibina dengan
 ketinggian beberapa meter daripada permukaan
 tanah

Tujuannya sebagai pertahanan untuk mengelak
 serangan musuh terutama serangan lanun dari laut

Struktur lantai pula jarang. Ia dipercayai bagi
 membolehkan tuan rumah menyimbah musuh di
 bawah rumah dengan air panas dan ambuyut
 panas

Tiang rumah ini menggunakan batang
 balak kayu belian yang mampu
 bertahan lebih 100
 tahun



MAH DISI AYSIA

pembinaan rumah tradisional Melayu umpamanya, juga mementingkan aspek agama Islam iaitu penekanan kepada susun atur ruang.

Ia tertumpu kepada kedudukan serambi di hadapan ruang rumah sebagai ruang umum untuk menyambut tetamu diikuti rumah ibu sebagai ruang utama untuk keluarga.

Pengasingan ruang ini untuk menjaga privasi keluarga.

RUMAH PERANAKAN MELAKA

Pada asalnya ia adalah rumah kedai yang dibina pada 1896

Kini menjadi Muzium Warisan Baba dan Nyonya di Jalan Tun Tan Cheng Lock

Seni bina rumah ini bercirikan Belanda dan China

Dihiasi tiang Graeco-Roman, perabot neoklasik Eropah, candelier dan jubin lantai era Victoria

RUMAH BAJAU LAUT

Rumah dibina di atas laut menggunakan kayu bakau menjadikan struktur rumah kukuh

Kayu bakau dipasak ke dalam laut

RUMAH PANJANG ORANG ULU

Binaan rumah tinggi beberapa meter daripada tanah. Bentuk rumah yang memanjang dan luas adalah keunikan utama rumah ini

Binaan tiang menggunakan kayu belian kerana ia mampu bertahan sehingga lebih 100 tahun

Sebelum kerja pembinaan dimulakan, kayu diukir dengan pelbagai jenis ukiran berdasarkan kepercayaan mereka

Rumah dibina berdekatan sungai sebagai sumber air

RUMAH TRADISIONAL MELAKA

Struktur tangga utama diperbuat daripada batu konkrit yang dihiasi jubin berwarna-warni. Ia menjadikan tangga ini kelihatan unik, cantik dan menarik.

Struktur binaan tangga dikatakan dipengaruhi seni bina dari China.

Bumbung rumah pula ada pengaruh reka bentuk seni bina Bugis, Jambi, Riau dan Minangkabau.

